

# Anwar tuntutan RM100j dari Dr Mahathir

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menyerahkan notis tuntutan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang antara lain menuntut ganti rugi RM100 juta kerana memfitnahnya.

Dalam notis yang diserahkan peguam belanya, S N Nair kepada peguam Dr Mahathir, Tetuan V K Lingam di pejabatnya di Menara Berjaya, KL Plaza, semalam, Anwar turut me-

nuntut Mahathir meminta maaf kerana mengeluarkan perkataan yang berbau fitnah.

Mengikut notis itu yang diserahkan pada jam 12.45 tengah hari semalam, Dr Mahathir didakwa mengeluarkan perkataan fitnah itu pada sidang media Suhakam di Menara Tun Razak pada 9 September lalu.

Anwar seterusnya akan memfailkan saman fitnah terhadap Mahathir jika gagal mematuhi notis tuntutan itu.